



JABATAN PELESENAN

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

emel : smartlesen@mbpj.gov.my

**PANDUAN PERMOHONAN
LESEN KOMPOSIT PREMIS
DAN IKLAN**

elesen.mbpj.gov.my

PERMOHONAN LESEN KOMPOSIT PREMIS DAN IKLAN HENDAKLAH DIBUAT MELALUI SISTEM ELESEN
klik [eLesen](#) | [LogMasuk](#)

MAKLUMAT PENTING SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN DALAM TALIAN.

Sebelum anda mendaftar untuk kali pertama, pastikan anda mempunyai maklumat berikut :

1. Salinan kad pengenalan atau pasport dalam format pdf/jpg.
2. Salinan dokumen SSM atau pendaftaran perniagaan/ badan profesional dalam format pdf/.jpg.
3. Alamat emel yang boleh digunakan.
4. Nombor telefon bimbit yang boleh menerima sms.
5. Alamat kediaman.
6. Surat penurunan kuasa dalam format pdf/png. (Jika pemohon bukan pengarah syarikat).

LANGKAH 1 : DAFTAR PENGGUNA DI SISTEM ELESEN

SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN?:

1. Pengarah, pemilik perniagaan, setiausaha syarikat seperti yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pengerusi, setiausaha, ahli jawatankuasa yang berdaftar dengan mana – mana agensi berkaitan seperti R.O.S. dan lain – lain sahaja dibenarkan memohon secara dalam talian.
2. Mulai Oktober 2020 wakil syarikat juga boleh memohon dengan syarat melampirkan surat penurunan kuasa mengikut format klik [sini](#).

LANGKAH 2: CARI AKTIVITI YANG INGIN DIPOHON DAN ISI BORANG PERMOHONAN.

1. Cari aktiviti utama yang ingin dipohon.
2. Pilih atau tambah nama syarikat yang ingin digunakan.
3. Pilih aktiviti tambahan sekiranya menjalankan lebih daripada satu aktiviti.

Sekiranya aktiviti yang ingin dipohon tidak tersenarai, sila hubungi 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 108, 130, 114, 134, 145, 146, 107, 109 atau emel ke smartlesen@mbpj.gov.my supaya kami boleh membantu anda memilih aktiviti yang bersesuaian.

LANGKAH 3: MUAT NAIK DOKUMEN.

Anda perlu memuat naik dokumen dalam bentuk .pdf (bersaiz tidak melebihi 5MB) atau berbentuk .jpg/.png (bersaiz tidak melebihi 2MB) setiap satu fail. Anda boleh melakukan 'multiple upload' fail – fail berkenaan.

Setiap aktiviti memerlukan jenis dokumen khusus yang berbeza. Namun dokumen am yang diperlukan ialah :-

1. Salinan mykad / salinan pasport.
2. Salinan muka surat penting perjanjian penyewaan yang dimatikan setem / perjanjian jual beli.
3. Lakaran pelan lantai dengan luas ukuran.
4. Gambar berwarna yang menunjukkan aktiviti di dalam premis.
5. Gambar berwarna yang menunjukkan keadaan luar premis beserta premis bersebelahan.
6. Sijil pendaftaran perniagaan/ syarikat daripada SSM.
7. Maklumat pemilik perniagaan/ pengarah daripada SSM.
8. Pengesahan Dewan Bahasa bagi setiap ilustrasi iklan. (Pengesahan ini perlu dilakukan dahulu secara dalam talian menerusi <http://dbpsahbahasa.my>)
9. Lain – lain dokumen khusus (jika berkaitan).

Perhatian : Aktiviti tertentu memerlukan dokumen khusus yang berbeza dan perlu dihantar semasa membuat permohonan. Informasi lanjut sila klik pilihan berikut :-

1. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan lesen Tred, Perniagaan & Perindustrian.
2. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan lesen Establisymen Makanan.
3. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan lesen Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan.
4. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan Tempat Letak Kereta Persendirian.
5. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan Hotel.
6. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan Pusat Siber.
7. Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan Pusat Hiburan.
8. [Syarat keperluan dokumen dan premis bagi permohonan iklan premis.](#)

LANGKAH 4 : JANA DAN SIMPAN SLIP AKUAN PENERIMAAN DAN GUNAKAN BAGI RUJUKAN STATUS PERMOHONAN

Slip akuan penerimaan mengandungi no. siri permohonan, nombor telefon yang boleh dihubungi dan kod qr bagi menjejak sendiri status permohonan. Permohonan akan diberi maklum balas dalam tempoh 24 Jam bekerja. Notifikasi turut diberi menerusi emel.

Slip ini bukan lesen dan tidak boleh digunakan di tapak perniagaan.

LANGKAH 5 : BUAT BAYARAN DAN CETAK LESEN

Permohonan yang diluluskan akan menerima notifikasi menerusi emel dan sms. Bayaran dan cetakan lesen tred boleh dilakukan secara dalam talian. Video tutorial cara bayaran dan cetakan lesen boleh dilihat di [sini](#)

Sekiranya butang cetak lesen tidak dipaparkan selepas bayaran dilakukan sila hubungi 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 149, 110, 112, 142, 141, 127, 126 atau emel ke smartlesen@mbpj.gov.my

Bagi permohonan yang mempunyai cagaran. Bil cagaran perlu dijelaskan secara dalam talian menerusi <https://epay.mbpj.gov.my> dengan memasukkan no. akaun cagaran contoh 'Dxxxxxxxxxxxxx'. No akaun cagaran berkenaan boleh diperolehi di menu semakan status lesen.


SOALAN LAZIM (F.A.Q).

1. Bagaimanakah saya ingin mengetahui status permohonan saya?


Jawapan :

Status permohonan boleh dilihat menerusi cara berikut :-

1. 'Log in' sistem elesen.mbpj.gov.my > Senarai permohonan > butiran permohonan atau
2. Imbas kod QR pada slip akaun penerimaan lesen atau



3. Masukkan nombor siri permohonan di aplikasi elesen mbpj di google playstore



2. Apakah maksud status permohonan yang dipaparkan?

Status permohonan bagi permohonan lesen terbahagi kepada kategori berikut :-

Gelaran Status	Keterangan	Tindakan yang perlu/ boleh dilakukan
DRAF	Digunakan bagi borang permohonan yang sedang diisi tetapi belum dihantar.	Pemohon masih boleh edit maklumat permohonan
BARU	Digunakan bagi borang permohonan yang telah dihantar/ dihantar semula.	Pemohon akan diberi slip penerimaan yang mengandungi no. siri permohonan EL-xxxxxxxxxx
PROSES	Digunakan bagi borang permohonan yang telah diterima oleh kakitangan Jabatan Pelesenan.	Kakitangan akan menyemak maklumat dan dokumen yang diterima. Pemohon tidak boleh edit maklumat ketika ini.
TIDAK LENGKAP	Digunakan bagi borang permohonan yang dikembalikan semula kepada pemohon.	Pemohon diminta menghantar semula dokumen yang tidak lengkap. Selepas dihantar status akan bertukar kepada 'BARU'.
PRA KELULUSAN	Digunakan bagi permohonan yang telah diluluskan lesen kekal/ sementara / kad akuan, namun belum dilakukan pemeriksaan tapak.	Pemohon boleh membuat bayaran dan cetakan lesen kekal/ lesen sementara/ kad akuan.
LULUS	Digunakan bagi permohonan yang telah dilakukan pemeriksaan dan telah dibawa ke dalam mesyuarat jawatankuasa.	Pemohon boleh membuat bayaran dan cetakan lesen kekal.
TANGGUH	Digunakan bagi permohonan yang ditangguhkan atas sebab – sebab tertentu.	Pemohon perlu melihat status mengapa permohonan ditangguhkan contohnya perlu jelaskan bil tempat letak kereta atau bil cagaran
BATAL	Digunakan bagi permohonan yang dibatalkan.	Pemohon perlu melihat status mengapa permohonan dibatalkan.

3. Bolehkah saya membuat pembayaran secara dalam talian?

Semua pembayaran lesen boleh dibuat secara dalam talian.

4. Bolehkah saya membuat cetakan lesen dalam talian?

Kesemua lesen **boleh** dicetak secara dalam talian melainkan :-

1. Lesen Hiburan, Lesen Pusat Siber
2. Lesen Penjaja, Pasar Malam dan Smart Trak
3. Lesen Pusat Penjagaan Kesihatan.
4. Lesen Pusat
5. Lesen Iklan Luaran (billboard)

5. Bagaimana saya boleh memperolehi pelekat premis.

Pelekat premis akan diberikan samada menerusi pos atau hadir ke kaunter berdasarkan pilihan pelanggan.

6. Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk memproses permohonan?

Semua permohonan akan diberi maklum balas dalam tempoh 24 Jam bekerja.

7. Bolehkah pengarah lain membuat permohonan dalam talian pada masa akan datang?

Boleh dengan mengulang proses di LANGKAH 1 seperti di atas.

9. Saya cuba mendaftar tetapi mesej 'NO. K/P telah digunakan' terpapar.

No. k/p anda telah didaftarkan sebagai pengguna elesen secara automatik apabila ianya pernah digunakan pada permohonan lain menerusi kaunter sebelum ini.

Sila gunakan fungsi lupa kata laluan dan kata laluan akan dihantar menerusi emel. Sekiranya ingin membuat tetapan semula emel, pengguna diminta menghantar emel ke smartlesen@mbpj.gov.my atau telefon 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 142, 149, 147, 136, 138, 127, 126, 142, 137.

10. Saya cuba daftar sebagai pengguna baru tetapi mesej 'alamat emel telah digunakan' terpapar.

Setiap alamat emel hanya boleh digunakan untuk satu login id sahaja sila hubungi 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 142, 149, 147, 136,138, 127, 126, 142, 137 bagi tetapan semula maklumat emel.

11. Apakah format dokumen yang perlu dimuat naik?

Format dokumen yang perlu dimuat naik adalah dalam fail.pdf atau .jpg bersaiz tidak melebihi 2MB. Sekiranya fail adalah besar ianya hendaklah dipecahkan kepada beberapa fail yang berasingan. [Klik bagi melihat cara mengecilkan dokumen.](#)

12. Saya tidak mempunyai mesin pengimbas dokumen.

Anda boleh memasang aplikasi 'pdf scanner' di telefon bimbit anda dan menggunakannya untuk mencipta fail .pdf dengan menggunakan kamera telefon.

13. Bolehkah saya membatalkan permohonan selepas no siri permohonan diperolehi?

Pembatalan permohonan berstatus 'draf' dan 'tidak lengkap' boleh dibuat sendiri oleh pemohon manakala permohonan berstatus 'baru', 'proses' dan 'pra lulus' perlu dibuat dengan menulis emel ke smartlesen@mbpj.gov.my

14. Saya terlupa kata laluan.

Sila klik lupa kata laluan.

15. Saya tidak menerima emel pengaktifan.

Sila hubungi 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 142, 149, 147, 136,138, 127, 126, 142, 137.

16. Saya tiada komputer ataupun telefon pintar untuk membuat permohonan lesen.

Jabatan Pelesenan ada menyediakan komputer layan diri berserta mesin pengimbas di kaunter 8 ibu pejabat MBPJ. Kakitangan bertugas akan mengajar anda menggunakan peralatan berkenaan.

17. Saya telah membuat pilihan pengambilan pelekat menerusi pos tetapi tidak menerima pelekat berkenaan.

Pelekat premis akan diposkan ke alamat premis yang dilesenkan menggunakan Pos Malaysia Berdaftar.

Layari <https://www.pos.com.my> dan masukkan nombor pengesanan.

Nombor pengesanan boleh diperolehi dengan mengimbas kod QR pada slip akuan penerimaan atau menggunakan aplikasi elesen@mbpj di google playstore.

Hanya akaun lesen yang mempunyai caj pentadbiran RM 25 sahaja akan diberikan pelekat. Pelekat ini hanya diberikan sekali dan perlu ditampal secara kekal di luar premis.

Pertanyaan lanjut mengenai pelekat premis, sila hubungi 0379604667, 0379566922, 0379563231, 0379609026, 0379541560 samb. 149, 113, 112.

Disediakan oleh :-

Jabatan Pelesenan
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tarikh kemaskini : 4 Mei 2021